

Embargo Sehingga 12.00pm, 9 September 2022



KENYATAAN MEDIA

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)

KADAR PENGANGGURAN TERUS MENURUN KEPADA 3.7 PERATUS PADA JULAI 2022, MENGHAMPIRI PARAS PRA-PANDEMIK

1. Pasaran buruh Malaysia bertambah kukuh pada bulan Julai dengan kadar pengangguran mencatat 3.7 peratus, iaitu menghampiri paras pra-pandemik berdasarkan penerbitan Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, Julai 2022. Pencapaian ini adalah jauh lebih baik berbanding dengan 4.5 peratus yang dicatatkan pada tahun 2021 dan 4.2 peratus pada Januari tahun 2022. Bilangan penganggur terus menurun kepada 620.7 ribu orang (Jun 2022: 630.6 ribu orang).
2. Bilangan penduduk bekerja pada Julai 2022 terus mencatatkan pertumbuhan positif 0.3 peratus kepada 15.98 juta orang (Jun 2022: 15.94 juta orang). Mengikut sektor ekonomi, bilangan penduduk bekerja dalam sektor Perkhidmatan semakin meningkat, terutamanya dalam aktiviti Perkhidmatan makanan & minuman; Perdagangan borong & runcit; dan aktiviti Pentadbiran & khidmat sokongan. Guna tenaga dalam sektor Pembuatan dan Pembinaan turut menunjukkan peningkatan, kecuali bagi sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian yang mencatatkan penurunan dalam guna tenaga.
3. Kedudukan tenaga buruh pada Julai 2022 juga bertambah baik berikutan peningkatan berterusan dalam bilangan tenaga buruh sebanyak 0.2 peratus bulan ke bulan merekodkan 16.60 juta orang

(Jun 2022: 16.57 juta orang). Justeru, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) yang lebih tinggi direkodkan pada bulan tersebut iaitu pada kadar 69.6 peratus.

4. Pencapaian pasaran buruh yang lebih kukuh ini disokong oleh kedudukan ekonomi yang bertambah baik bagi suku kedua tahun 2022 dengan pertumbuhan ekonomi yang semakin kukuh pada kadar 8.9 peratus. Bagi separuh pertama tahun 2022, ekonomi negara berkembang sebanyak 6.9 peratus. Peningkatan aktiviti ekonomi dan sosial yang kembali normal, terutamanya susulan pembukaan sempadan negara sejak 1 April 2022 telah memberi impak positif terhadap pasaran buruh negara yang telah mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan.
5. Momentum pemulihan pasaran buruh ini juga selaras dengan pelaksanaan inisiatif-inisiatif Kerajaan di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri, seperti program JaminKerja – Insentif Penggajian (JKIP) dan pewujudan Portal Pekerjaan Negara, MyFutureJobs. Kerajaan akan terus berusaha untuk meningkatkan peluang pekerjaan dan mempertingkatkan kesejahteraan Keluarga Malaysia.
6. Pasaran buruh dijangka akan terus kukuh pada suku tahun ketiga dengan jangkaan prestasi perniagaan lebih baik. Petunjuk keyakinan mencatat 4.7 peratus bagi suku ketiga tahun 2022 berbanding 3.5 peratus pada suku kedua. Ini menggambarkan situasi ekonomi dijangka lebih baik pada suku ketiga tahun ini.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)
9 September 2022